

Sinar Harian - 29/10/2021 mlb = 14

Negara BIMP-EAGA perlu segera buka sempadan, permudah proses perjalanan - PM

KUALA LUMPUR - Negara anggota Kawasan Pertumbuhan Timur ASEAN Brunei-Indonesia-Malaysia-Filipina harus meneroka segala peluang untuk memulihkan kembali nilai rantaian rentas sempadan yang kebanyakannya terputus sejak penutupan sempadan antara-bangsa akibat pandemik Covid-19.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob ketika berucap pada Sidang Kemuncak BIMP-EAGA Ke-14 pada Khamis berkata, Malaysia sudah berusaha melaksanakannya kerana menganggap BIMP-EAGA sebagai platform penting bagi membolehkan pembangunan serantau yang lebih seimbang dan inklusif.

“Bagi mencerminkan komitmen ini, kerjasama sub serantau di bawah BIMP-EAGA diurus perdanakan serta diutamakan menerusi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) yang dilancarkan baru-baru ini,” katanya.

Sejajar dengan pelan berkenaan, Ismail Sabri berkata, kerjasama di bawah BIMP-EAGA akan menyasarkan peningkatan aktiviti rentas sempadan dan me-



ISMAIL SABRI

ngukuhkan nilai rangkaian.

Menurutnya, kerjasama itu akan turut memfokuskan pewujudan pekan dan bandar yang selesa, menaik taraf prasarana akses serta rangkaian dan meningkatkan kerjasama serta penyelarasan antara pemegang taruh.

Katanya, di bawah RMK12, kerajaan Malaysia akan terus mempercepat proses pembangunan di Labuan, Sabah dan Sarawak.

“Pelbagai langkah akan terus diambil bagi menaik taraf prasarana akses dan ketersambungan dengan mempercepat pelaksanaan Projek Prasarana Utama di BIMP-EAGA.

“Ini termasuk Lebuhraya Pan Borneo, pekan di sempadan, kemudahan kastam, imigresen, kuarantin serta keselamatan,” katanya.

Dipengerusikan oleh Indonesia, BIMP-EAGA dihadiri negara anggota serta ADB dan Pusat Fasilitasi BIMP-EAGA.

Ita diadakan sempena Sidang Kemuncak ASEAN Ke-38 dan Ke-39, serta Sidang Kemuncak Berkaitan bermula pada Selasa yang dipengerusikan Brunei. - *Bernama*